HAFIZ TRAVEL & TOURS

HAFI4NIVERSARY – 4REAL HARGA MARHAEN

TERMA & SYARAT – PAKEJ JWANJIH

TEMPOH PROMOSI: 1 – 30 NOVEMBER 2026

Dokumen ini menerangkan terma dan syarat pelanggan bagi tempahan Pakej JWANJIH UMRAH dan Pakej JWANJIH TURKIYE di bawah kempen HAFI4NIVERSARY. Sila baca sebelum membuat tempahan.

1. Maklumat Pakej JWANJIH

- Pakej **JWANJIH UMRAH:** bermula RM3,950 seorang bagi hotel jarak jauh, bilik berempat (Quad). Tempoh perjalanan **9 Hari 7 Malam (9H7M)**, bagi tarikh perjalanan yang ditawarkan antara **Jun hingga November 2027.**
- Pakej **JWANJIH TURKIYE:** RM3,950 seorang. Tempoh perjalanan **9 Hari 7 Malam (9H7M),** bagi tarikh perjalanan yang ditawarkan antara **April hingga November 2027.**
- Deposit tempahan ialah **RM400 seorang.** Tempahan hanya diterima selepas pendaftaran lengkap dan deposit disahkan oleh pihak syarikat.
- Bagi Pakej **JWANJIH UMRAH**, makanan sepanjang perjalanan dan set bagasi tidak termasuk. Sila rujuk itinerari dan senarai kemudahan rasmi bagi butiran lengkap pakej.
- Harga, pilihan bilik, penginapan, penerbangan, kemudahan dan ketersediaan adalah tertakluk kepada pengesahan rasmi Hafiz Travel & Tours.

2. Pembayaran dan Pengesahan Tempahan

- Deposit RM400 seorang adalah sebahagian daripada harga pakej dan tidak boleh dikembalikan (non-refundable).
- Bayaran penuh hendaklah dijelaskan **selewat-lewatnya pada 15 Januari 2027.** Kegagalan menjelaskan bayaran dalam tempoh ditetapkan boleh menyebabkan tempahan dipindahkan kepada pakej biasa tanpa harga promosi.
- Pemilihan tarikh penerbangan hendaklah dibuat **selewat-lewatnya pada 15 Januari 2027.** Tarikh hanya dianggap sah selepas pengesahan rasmi pihak syarikat.
- Sebarang pembayaran hendaklah dibuat melalui saluran rasmi yang ditetapkan oleh Hafiz Travel & Tours.

3. Polisi Pembatalan, Perubahan dan Perjalanan

- Bayaran yang telah dibuat tidak boleh dikembalikan bagi pembatalan atas permintaan pelanggan.
- Permohonan pertukaran nama, penggantian peserta, pemindahan tempahan atau perubahan tarikh hendaklah dilakukan sebelum 15 Januari 2027.
- Jadual penerbangan, penginapan, pengangkutan dan aktiviti boleh berubah disebabkan faktor operasi, cuaca, keselamatan, arahan pihak berkuasa atau keadaan luar jangka. Pihak syarikat akan memaklumkan perubahan apabila maklumat rasmi diterima.
- Pelanggan bertanggungjawab memastikan pasport dan dokumen perjalanan sah, memenuhi keperluan destinasi, serta mematuhi arahan ketua rombongan, mutawwif, pemandu pelancong dan pihak berkuasa.
- Kesilapan dan kecuaian dalam memberikan maklumat peribadi adalah atas tanggungjawab sendiri. Caj tambahan akan dikenakan bagi sebarang penukaran yang akan dilakukan.

- Permintaan bilik seorang atau naik taraf bilik adalah tertakluk kepada ketersediaan, pengesahan pihak syarikat dan caj tambahan. Bagi penginapan berempat, caj tambahan mungkin dikenakan sekiranya bilangan penghuni tidak mencukupi.

4. Cabutan Bertuah Gold Bar 1 Gram

- Pelanggan yang membuat tempahan Pakej JWANJIH dalam tempoh kempen boleh layak menyertai cabutan bertuah Gold Bar seberat 1 gram, tertakluk kepada syarat kelayakan kempen.
- Cabutan dijadualkan pada setiap hari Isnin sepanjang November 2026, iaitu 9, 16, 23 dan 30 November 2026. Masa dan kaedah cabutan akan diumumkan melalui saluran rasmi Hafiz Travel & Tours.
- Satu penyertaan diberikan bagi setiap peserta yang mempunyai pendaftaran sah dan deposit yang telah disahkan. Nama peserta hendaklah sepadan dengan rekod pendaftaran rasmi.
- Pemenang akan diumumkan melalui saluran rasmi. Pemenang perlu memberikan pengesahan identiti dan maklumat yang diperlukan untuk tuntutan hadiah.
- Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai, dijual atau dipindah milik. Pihak syarikat boleh menggugurkan penyertaan yang tidak sah atau tidak memenuhi syarat.

5. Pengesahan dan Persetujuan Pelanggan

Semua kemudahan dan manfaat adalah tertakluk kepada pengesahan rasmi, kekosongan dan syarat pakej. Maklumat lisan yang bercanggah dengan dokumen rasmi hendaklah disahkan secara bertulis oleh pihak syarikat. Dengan meneruskan tempahan dan pembayaran, pelanggan mengakui telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang berkenaan.

HAFI4NIVERSARY – 4REAL HARGA MARHAEN
Empat Tahun Bersama, lebih banyak bina memori yang telus Bersama Hafiz Travel and Tours

PENGESAHAN DAN PERSETUJUAN PELANGGAN

Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju dengan segala terma dan syarat yang ditetapkan bagi kempen HAFI4NIVERSARY – 4REAL HARGA MARHAEN, termasuk syarat pakej, pembayaran, pembatalan serta manfaat promosi yang berkaitan. Saya bersetuju untuk mematuhi segala terma dan syarat tersebut seperti yang dinyatakan dalam dokumen rasmi Hafiz Travel & Tours.

Nama Pelanggan :

No. Kad Pengenalan / Pasport :

Tandatangan :
Tarikh :